



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Ministry of Education

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.600.12/1/4 Jld. 77 (66)

Tarikh : 15 April 2026

Pengurus Hal Ehwal Korporat
The One Academy
Block B4, Leisure Commerce Square
46150 Selangor

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELIBATAN MURID
DALAM MALAYSIA TOP 10 OUTSTANDING YOUNG ARTISTS AWARDS
ANJURAN THE ONE ACADEMY TAHUN 2026**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan berkaitan juga dengan surat tuan bertarikh 16 Mac 2026.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program tersebut. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu KPM membangunkan serta memperkasakan aktiviti sukan, kokurikulum dan kesenian di negara ini.

3. Pihak KPM mengambil maklum dan **tiada halangan** terhadap penganjuran dan pelibatan murid dalam **Malaysia Top 10 Outstanding Young Artists Awards** yang dijadualkan pada **13 Jun hingga 27 Julai 2026**. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur **WAJIB** mematuhi perkara-perkara berikut:

- 3.1 Pihak penganjur hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri yang berkenaan setelah mendapat maklum balas KPM dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan program;

- 3.2 mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa seperti di Lampiran A;
- 3.3 surat maklum balas tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.4 penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran;
- 3.5 penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dalam program ini, termasuklah menyediakan perlindungan insurans yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan;
- 3.6 murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program yang dirancang/dilaksanakan;
- 3.7 penyertaan murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.8 guru/guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid ke program atau aktiviti berkenaan;
- 3.9 tiada implikasi kewangan kepada KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), sekolah, guru dan murid yang terlibat;
- 3.10 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk kos pengangkutan, makan dan minum; melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Ketua Pendaftar;
- 3.11 program, aktiviti dan mesyuarat yang melibatkan guru hanya dibenarkan dilaksanakan pada hari Sabtu minggu kedua dan minggu keempat sahaja. Tiada sebarang program, aktiviti atau mesyuarat dibenarkan pada hari Sabtu minggu pertama, minggu ketiga dan minggu kelima

- 3.12 sekiranya program/aktiviti yang menuntut pengiktirafan, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan** (format seperti di Lampiran C) kepada BSKK **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program**. Walau bagaimanapun, pengiktirafan program akan diberikan tertakluk kepada tarikh tutup perekodan Modul Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu, iaitu pada atau sebelum 30 November 2026;
- 3.13 pihak penganjur perlu mengemukakan draf poster, gegantung, hebahan digital atau sijil untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
- 3.14 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Permohonan penggunaan logo KPM perlu dikemukakan kepada Unit Komunikasi Korporat, KPM beserta dokumen lengkap, selaras Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi KPM yang boleh dirujuk melalui pautan [https://www.moe.gov.my /muat-turun/multimedia/logo](https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo);
- 3.15 pihak penganjur perlu menyediakan kemudahan penyejukan (*cooling facilities*) dan memastikan murid minum air yang mencukupi sebelum, semasa dan selepas aktiviti;
- 3.16 pihak penganjur perlu memantau aktiviti yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas dan menangguhkan semua aktiviti luar yang sedang berlangsung sekiranya berlaku peningkatan suhu melebihi 35°C;
- 3.17 pelibatan murid dalam aktiviti sukan, kokurikulum dan kesenian hendaklah mematuhi Kod Sukan Selamat daripada Kementerian Belia dan Sukan;
- 3.18 bagi lawatan daripada luar negara, pihak pelawat/penganjur hendaklah mengemukakan surat kelulusan daripada pihak berautoriti daripada negara tersebut;
- 3.19 pihak penganjur perlu mengemukakan **Surat Akuan Pematuhan Syarat Penganjuran Program** (seperti di Lampiran B) kepada BSKK **dalam tempoh 14 hari** bagi mengesahkan persetujuan untuk mematuhi semua syarat dan peraturan penganjur yang telah ditetapkan oleh KPM; dan

3.20 KPM berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran penganjuran program sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan agensi pada masa hadapan.

4. Maklum balas ini hanya sah untuk penganjur ***Malaysia Top 10 Outstanding Young Artists Awards*** pada **13 Jun hingga 27 Julai 2026** oleh **The One Academy**. Sebarang permohonan kebenaran penganjuran lanjutan atau program baharu hendaklah dikemukakan secara berasingan kepada Pengarah BSKK.

5. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, boleh diajukan kepada **Encik Wan Mohd Mahfodz bin Wan Hasan** di talian **03-8872 1603** atau e-mel **mahfodz.hasan@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan

- s.k.:
1. Semua Pengarah Bahagian Sektor Operasi Sekolah
 2. Semua Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri

LAMPIRAN A

1. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 7/1988: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan.
2. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 8/1995: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Bukan Induk.
3. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 8/2009: Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan.
4. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 5/2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
5. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 9/2023: Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023.
6. Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010: Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar.
7. Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 3 Tahun 2023: Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan Bawah KPM Semasa Cuaca Panas KPM.100-1/3/2 Id.7(3).
8. Manual Kod Sukan Selamat (Kementerian Belia dan Sukan).

LAMPIRAN B

Ruj. Tuan : KPM.600.12/1/4 Jld. ()

Ruj. Kami :

Tarikh :

Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan
Aras 1,2 & 7, Blok 13
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
(u.p. Unit Kesenian dan Kebudayaan)

Tuan,

SURAT AKUAN PEMATUHAN SYARAT PENGANJURAN PROGRAM MALAYSIA TOP 10 OUTSTANDING YOUNG ARTISTS AWARDS 2026 ANJURAN THE ONE ACADEMY

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya/kami The One Academy mengesahkan persetujuan untuk mematuhi sepenuhnya syarat dan peraturan penganjuran program seperti yang dinyatakan pada perkara 3 dalam surat Bahagian Sukan Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) bernombor rujukan: KPM600.12/1/4 Jld. () bertarikh April 2026. Kementerian Pendidikan berhak menarik surat kelulusan/kebenaran penganjuran program sekiranya saya/kami gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

3. Pihak saya/kami juga **bersetuju** untuk mengemukakan satu salinan laporan program yang dijalankan kepada BSKK tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program bagi tujuan pengiktirafan program.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi _____ di talian _____ atau emel _____

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
(Nama)
Jawatan

Cop Rasmi Penganjur:

LAPORAN PROGRAM

- 1.0 Nama Program:
- 2.0 Anjuran:
- 3.0 Tarikh (Tempoh Pelaksanaan):
- 4.0 Tempat Pelaksanaan:
- 5.0 Mod Pelaksanaan: (Bersemuka/dalam talian/hibrid)
- 6.0 Butiran Penyertaan:

BIL	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	DAERAH / NEGERI / NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1											
2											
3											
4											
5											
JUMLAH											

7.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti:

8.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang Diturunkan: (***)*Jika berkaitan*)

9.0 Tetamu Kehormat (VIP) (***)*Jika berkaitan*): Jawatan Rasmi : Peranan (perasmian/penyampaian hadiah/penutup)

10.0 Pemenang: (***)*Jika berkaitan*)

KATEGORI PERTANDINGAN				
Kedudukan	Nama murid	Sekolah	Kod Sekolah	JPN
Pertama				
Kedua				
Ketiga				
Keempat				
Kelima				

11.0 Isu dan cabaran:

12.0 Cadangan penambahbaikan:

13.0 Gambar (3 hingga 5 gambar sahaja):

Disediakan Oleh:

Tarikh